



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and Innovation)

21 Mac 2022

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 01/2022

**PERSEDIAAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA BAGI PEMEGANG LESEN DI
BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 [AKTA 304]**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan pemegang lesen mengenai langkah pencegahan dan persediaan menghadapi risiko bencana yang melibatkan kemudahan penstoran dan premis yang mengguna dan/atau menstor peralatan sinaran.

TAKRIFAN

2. Bencana¹ ditakrifkan sebagai:
- a) Kejadian atau ancaman segera ke atas agensi/syarikat yang membawa kepada kerosakan, kecederaan, atau kehilangan nyawa/harta benda. Kejadian atau ancaman ini boleh berpunca dari fenomena semulajadi atau berpunca dari kelalaian manusia;
 - b) Keadaan kecemasan yang melebihi keupayaan tindakbalas normal agensi/syarikat di mana bantuan tindakbalas dari agensi luar diperlukan untuk pemulihan;
 - c) Kejadian tiba-tiba atau yang tidak dapat dihentikan yang menyebabkan:
 - Kehilangan nyawa, kecederaan, kehilangan barang berharga atau

¹ LEM/TEK/66 Pin. 2: Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear

kerusakan alam sekitar;

- Melebihi keupayaan sumber dalam bertindakbalas dan untuk pemulihan;
- Menghasilkan impak yang berpanjangan ke atas sistem sosial atau kehidupan yang selalunya bersifat negatif pada permulaannya.

LATAR BELAKANG

3. Sejarah telah merekodkan bahawa Malaysia pernah mengalami beberapa bentuk bencana seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran besar, taufan dan lain-lain yang boleh mengakibatkan kejadian atau kemalangan sinaran jika ianya melibatkan bahan radioaktif. Sebagai contoh, pada tahun 2014, negara telah menyaksikan banjir setinggi 1.3 meter di daerah Kemaman, Terengganu, di mana beberapa kemudahan penstoran bahan radioaktif yang terletak di kawasan tersebut telah ditenggelami banjir dan menyebabkan kerosakan terhadap beberapa unit peralatan sinaran. Sepanjang tempoh itu, pemegang lesen telah didapati hilang kawalan terhadap peralatan sinaran tersebut. Hal ini mampu menjejaskan aspek keselamatan sinaran dan sekuriti bahan radioaktif itu sendiri yang seterusnya berpotensi untuk berlakunya kejadian atau kemalangan sinaran.

ARAHAN AELB

4. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah pencegahan dan persediaan bagi mengurangkan kesan bencana kepada kemudahan penstoran dan premis yang mengguna dan/atau menstor peralatan sinaran, pemegang lesen diarahkan untuk:

- a) Meneliti semula Pelan Kecemasan dan Pelan Sekuriti serta membuat pengemaskinian (di mana berkaitan) untuk memastikan perancangan spesifik dan munasabah diambil kira bagi menghadapi risiko bencana. Perancangan berkenaan haruslah merangkumi langkah-langkah pencegahan dan kesiapsiagaan bagi memastikan keselamatan peralatan sinaran, peranti pemantau personal dan kawasan, *personal protective equipment* (PPE), peralatan keselamatan kerja di lapangan, dokumen-dokumen penting, dan lain-lain yang mungkin rosak atau hilang akibat

- bencana;
- b) Sentiasa peka dengan perubahan keadaan cuaca semasa;
 - c) Sentiasa peka dengan amaran bencana yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan agensi kerajaan bertanggungjawab; dan
 - d) Melaksanakan tindakan pencegahan lebih awal dan bersedia untuk memindahkan perkara-perkara 4(a) ke lokasi selamat dengan mengambil kira pematuhan kepada aspek keselamatan dan sekuriti.
5. Walau apapun arahan yang dinyatakan di perkara 4, pemegang lesen masih tertakluk kepada kehendak Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya serta syarat-syarat lesen, dan hendaklah sentiasa mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari masa ke masa.

PENGUATKUASAAN NOTIS

6. Notis Pemberitahuan ini berkuat kuasa **serta merta** dari tarikh dikeluarkan.

PEMBATALAN

7. Notis Pemberitahuan Bil. 06/2014 bertarikh 16 November 2014 adalah dibatalkan.

PENUTUP

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB melalui alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil 43800, Dengkil Selangor

No. Tel: +603-89225888 No. Faks: +603-89223685

E-mel: corporate@aelb.gov.my Laman Web: www.aelb.gov.my